

(UCAPAN SALAM)

Yg. Berbahagia Puan Hjh Che Limah binti Ujang  
Timbalan Pengerusi PUSPANITA MPSP

Yg berbahagia Puan Khodzijah binti Abdullah  
Mantan Timbalan Pengerusi PUSPANITA MPSP

Yang Dihormati ,

Barisan Jawatankuasa PUSPANITA MPSP serta Puan-Puan ahli PUSPANITA MPSP, Para Hadirin yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah , kita telah diberi kesempatan untuk bersama-sama pada hari ini dalam majlis High Tea Limpahan KASIH PUSPANITA yang nampaknya seperti acara yang penuh gemilang dan meriah. Jika adapun di hati kita perasaan gundah dan amarah, hilang sejenak sebaik kaki melangkah, ke dewan ini yang kelihatan serba menarik dan indah. Saya rasa teruja dan ceria bersama puann-puan ahli PUSPANITA serta jemputan semua.

Kehadiran kita pada hari ini sesungguhnya adalah untuk menyahut seruan kesinambungan silaturrahim dalam PUSPANITA, yang telah berkembang sejak sekian lama.

Saya terlebih dahulunya ingin mengalu-alukan kehadiran semua ahli-ahli PUSPANITA dan juga SURI sekalian. Terima kasih kerana kehadiran puann-puan dan mengambil bahagian dalam program PUSPANITA hari ini.

Puan-Puan,

Disamping menumpukan kepada kerjaya diri masing-masing, waktu beriadah dan berpersatu dalam PUSPANITA membuka ruang untuk kita melepaskan

rasa lelah seharian di pejabat, serta memberi ruang juga untuk kita memperuntukkan masa kepada diri sendiri bersosial secara sihat dan bermanfaat. Ini tidak bermakna kita melupakan dan mengabaikan tugas di pejabat. Saya percaya Puan-puan telah pun menyiapkan tugas dan kerja di pejabat yang *due* pada hari ini sebelum datang ke majlis ini. Ini penting kerana tugas kita sebagai penjawat awam perlu diutamakan dahulu.

Sebagai Pengerusi, saya akan sentiasa menyokong PUSPANITA MPSP dalam menggerakkan apa jua aktiviti-aktiviti yang dijalankan selagi ianya memberi manfaat kepada ahli mahupun dalam menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat, asalkan ianya tidak mengganggu gugat perjalanan tugas puan-puan semua di pejabat dan di rumah. Tugas utama kita perlu diselesaikan sebelum menjalankan tugas atau aktiviti amal atau bersosial.

Apa yang saya inginkan, adalah PUSPANITA mampu menggerakkan iltizam semua ahli, untuk menjadi lebih responsif ke arah menggerakkan saraf serta minda, menjadi warga kerja MPSP yang sentiasa bersemangat serta berdaya saing. Sepertimana kita aktif dan kreatif dalam PUSPANITA, begitu jugalah kita perlu proaktif dalam berperanan sebagai kakitangan MPSP yang kreatif dan innovatif.

Kita perlu selari dalam bekerja dan berpersatu. Buangkanlah sifat pesimis dari kotak fikiran. Saya menyeru semua ahli PUSPANITA bahawa dunia hari ini sudah banyak berubah. Kita mesti sentiasa berfikiran positif jika kita ingin maju ke hadapan. Jika Puan-puan lihat di sekeliling kita sekarang, wanita telah ke hadapan dan memegang tampuk pentadbiran yang penting samada di dalam atau di luar negara. Walau bagaimanapun, wanita perlu bekerja 2 atau 3 kali ganda daripada kaum Adam untuk membuktikan bahawa wanita boleh dan mungkin lebih baik daripada kaum Adam. Saya bukan bercakap untuk saya, tapi

cabaran ini untuk Puan-puan semua membuktikan bahawa wanita "BOLEH" terutamanya wanita MPSP.

Kepada Biro-Biro yang ada, teruskanlah merancang dan melaksanakan program-program yang boleh membantu membentuk ahli-ahli, menjadi individu yang bersikap positif , berani dan berdedikasi.

Sebagai contohnya, program pendidikan dan pembentukan peribadi melalui aktiviti *team building* dan bina semangat serta ceramah motivasi, protokol, etika dan sosial.

Program penjagaan kesihatan melalui aktiviti sukan atau riadah. Program sosial melalui aktiviti kemasyarakatan dan mungkin diselitkan dengan sedikit aktiviti hiburan seperti hari ini.

Kita tidak mahu dipandang remeh dan hanya dipandang sebelah mata. Kita harus terus bergerak ke depan dan berusaha untuk menempatkan diri dalam keluarga, organisasi dan masyarakat sebagai individu yang bersifat waja walaupun kita ini hanyalah seorang wanita. Jadikanlah ketrampilan, keperibadian, kebolehan serta sumbangan kita sebagai pemangkin kepada kejayaan diri dan kejayaan mereka. InsyaAllah, dengan doa, amalan dan usaha, kita mampu untuk mencapai apa-apa yang dicita.

Harapan saya, juga mungkin harapan puan-puan semua agar PUSPANITA menjadi lebih relevan serta dapat terus menaikkan imej MPSP bukan sahaja di Seberang Perai malah di luar negeri Pulau Pinang. Kepada Suri, iaitu isteri kakitangan MPSP, saya juga mengharapkan sokongan serta kerjasama erat puan-puan untuk terus bersama-sama dengan PUSPANITA dalam apa jua keadaan sekalipun. Kepada tetamu jemputan yang juga saudara PUSPANITA

dari daerah SPU, SPT dan SPS adalah diharapkan silaturrahim ini akan terus subur dan mekar sentiasa.

Kepada jawatankuasa serta ahli PUSPANITA yang telah bekerja keras untuk merealisasikan program pada hari ini, sekalung tahniah dan penghargaan atas usaha dan sumbangan puan-puan.

Semoga semua yang ada dalam dewan pada hari ini akan merasa selesa dan gembira dengan aktiviti yang telah direncanakan. Akhir kata, Dengan Lafaz BISMILLAH, saya merasmikan Majlis High Tea Limpahan Kasih PUSPANITA Majlis Perbandaran Seberang Perai tahun 2011.

Sekian, terima kasih.

(Ucapan Salam)